



## Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: Menerobos Rahsia Keajaiban Insan

Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi yang dilaksanakan secara atas talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi pada 25 Julai 2021. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini En Mohammad Rizashyam bin Shohadi dari Pusat Kaunseling telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk Menerobos Rahsia Keajaiban Insan. Encik Mohammad Rizashyam telah mengulas bahawa manusia disajikan dengan 4 macam keajaiban pada diri manusia iaitu keajaiban minda, anatomi atau tubuh, ruh serta nafas.

Keajaiban minda merupakan fungsi minda bawah sedar menjadi tumpuan utama. Kaitannya dengan kehidupan dan kejayaan diterangkan lebih terperinci bagi memperlihatkan potensi yang sentiasa sedia untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Pada waktu individu berada dalam bentuk alfa, akses penerimaan lebih mudah diserap di minda. Waktu ini sangat sesuai sekiranya ibu meniupkan kata semangat untuk anak mereka. Segala impian yang terlintas pada waktu ini akan diserap oleh minda yang dapat menyerlahkan cita-cita atau keperibadian individu.

Menerusi keajaiban anatomi atau tubuh manusia, ianya berkaitan dengan struktur tenaga hayat atau aliran *life force* yang dikenali sebagai jalur meridian yang menjadi sebahagian daripada sistem tubuh. Individu amat digalakkan untuk bersedekah kerana jalur meridian di dalam tubuh sentiasa mengalir.

Peranan aura dan chakra sebagai medan tenaga manusia. Semangat dan tenaga yang ada pada diri individu mempunyai medan kuasa yang banyak sekiranya mampu mengatur pelbagai stress atau kesukaran dalam kehidupan.

Fenomena *Out of Body Experience* iaitu suatu proses perjalanan ruh yang dialami secara sedar dan nyata ke pelbagai tempat dan dimensi, bahkan melakukan perjalanan ke masa lalu. Ini biasanya terjadi semasa individu sedang tidur.

Akhir sekali, dalam keajaiban nafas, potensi manusia sekali lagi dihuraikan kepada peserta sebagai suatu potensi dengan seribu aplikasi. Ini seperti pengurusan rasa sakit atau *pain management*, membina imuniti dan memperkasa sistem kekebalan tubuh, melepaskan tekanan dan trauma dan sebagainya. Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

